

20 DEC 1996

Mahathir-India

PM GESA SEKTOR SWASTA JALIN HUBUNGAN STRATEGIK

Oleh: Zainoor Sulaiman

NEW DELHI, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sektor swasta Malaysia dan India perlu mewujudkan satu pakatan strategik untuk memaksimumkan kelebihan perbandingan bagi memastikan tempat dalam pasaran global.

"Walaupun sektor itu merupakan nadi penggerak pertumbuhan dalam negeri, ia perlu menyerapkan teknologi baru agar seiring dengan pembangunan pesat yang berlaku dalam arena antarabangsa," katanya pada jamuan malam bagi meraikannya yang diberikan oleh rakan sejawatannya dari India H.D Deve Gowda, di sini.

Beliau berkata kedua-dua negara memiliki keupayaan untuk mewujudkan perhubungan strategik di antara sektor swasta, terutama dalam bidang sains dan teknologi, pembangunan perisian, maklumat dan teknologi penerbangan.

"Usahawan kita perlu memandang jauh dan menerokai kemungkinan bekerjasama untuk mengambil bahagian dalam projek-projek usahasama di negara-negara ketiga," katanya.

"Saya yakin dengan suasana ekonomi yang menggalakkan di Asia, Amerika Latin dan bahagian tertentu di Afrika, terdapat banyak peluang bagi sektor swasta kita untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi di rantau-rantau itu," katanya.

Perdana Menteri berkata pelonggaran syarat dan pembatalan kawal selia berhubung dengan perdagangan asing di India telah mempercepatkan perkembangan ekonomi dan menjadikan negara itu sebagai sebuah pusat pelaburan yang menarik di Asia Selatan.

Sambil melahirkan keyakinan bahawa India akan muncul sebagai sebuah kuasa ekonomi di Asia, Dr Mahathir berkata usahawan dan pelabur Malaysia bersedia untuk berkongsi dengan rakan perniagaan mereka di sini bagi bersama-sama membangunkan projek-projek infrastruktur seperti lebuh raya, tenaga, telekomunikasi, pelabuhan dan bidang-bidang lain.

Dr Mahathir berkata pengalaman Malaysia sendiri dalam meliberalisasikan ekonomi, membatalkan kawal selia dan penswastaan telah menjanakan pertumbuhan ekonomi yang mapan untuk lebih satu dekad.

Beliau berkata terdapat banyak peluang bagi sektor swasta India untuk menyertai dalam pembangunan ekonomi di Malaysia dan kemasukan India sebagai rakan dialog Asean dan sebagai anggota Forum Serantau Asean telah membuka peluang kerjasama baru dengan negara-negara di rantau ini. -- BERNAMA

ZS AKD